

MALAYSIA

BAHAGIAN CUKAI DALAMAN
CAWANGAN PENGUATKUASAAN PELESENAN
TINGKAT 7, BANGUNAN TUANKU SYED PUTRA
LEBUH DOWNING,

DIIKTIRAF MS ISO 9002

*Proses Pelepasan Barangan Import
Dari Kawalan Kastam*

Tel : 04-2622411 ext. 109
Fax : 04-2616232
E-Mail : pkpkdpp@tm.net.my
Laman Web : <http://www.customs.gov.my>

Ruj. Kami : KE.PB(11)654/24-1161/(25)
Tarikh : 22.8.2005

G.E Tan Associates & G.E.Tan Realty,
7/9, 1st Floor Marble Arch, Jalan Pasar,
Pulau Tikus, 10350
Pulau Pinang.

Tuan,

**RE: NOTIFICATION OF OUR ACTIONS FOLLOW RECOGNITION OF
PROPERTY MANAGEMENT FEE AS NON-TAXABLE SERVICE ITEM**

Adalah saya diarah merujuk kepada percakapan Pn. Low/Cik Neoh pada 22.8.05 dan surat syarikat tuan bertarikh 22.8.05 mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana yang telah dimaklumkan melalui surat pejabat ini KE.PB(07)PP/654/Klt.2/70 bertarikh 23.6.2005, perkhidmatan pengurusan penyelenggaraan bangunan telah diputuskan sebagai tidak bercukai. Keputusan ini adalah selaras dengan dasar kerajaan bagi menggalakkan kebersihan dan tidak membebankan pengguna. Ini bermakna perkhidmatan-perkhidmatan yang terlibat seperti penjagaan lift, kebersihan bangunan, pengangkutan sampah, *landscape*, pembaikan bangunan, parit/longkang dan pembentungan, pengurusan bayaran utiliti dan lain-lain aktiviti berkaitan penyelenggaraan bangunan walaupun disubkontrakkan kepada pihak ketiga dan ada caj/fee pengurusan dikenakan, ianya tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Bagaimanapun bagi perkhidmatan keselamatan (kecuali bangunan sendiri) dan tempat meletak kereta (jika caj dikenakan), walaupun merupakan perkhidmatan penyelenggaraan bangunan ianya tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana telah dinyatakan secara spesifik sebagai perkhidmatan bercukai di dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975.

3 Istilah perkhidmatan *property management* yang dimaksudkan oleh pejabat ini adalah terhad kepada perkhidmatan seperti yang dijelaskan di para 2 di atas sahaja. Maka aktiviti lain yang telah dilesenkan sebelum ini masih tertakluk kepada cukai perkhidmatan dan hendaklah dikutip dan dibayar kepada Jabatan Kastam mengikut tempoh cukai yang telah ditetapkan.


4. Pejabat ini juga telah dimaklumkan bahawa pejabat syarikat tuan telah berpindah ke satu alamat yang baru. Sila kemukakan Lesen Asal Cukai Perkhidmatan untuk di buat pindaan dengan segera.

Samb..... KE.PB(11)654/24-1161/ 25

5. Jika tuan mempunyai apa-apa soalan, sila hubungi pejabat ini
Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(LOW SHEOK YIN)

Cawangan Penguatkuasaan Pelesenan
Bahagian Cukai Dalam
b.p. Pengarah Kastam Negeri
Pulau Pinang.